

DUNIA PENGETAHUAN

Pengajian Islam di University McGill

Dalam tahun 1952 University McGill Montreal, Kanada telah membuka sebuah institut baharu di samping beberapa fakulti dari “Faculty of Graduate Studies and Research”, dinamakan: “Institute of Islamic Studies”. Dari namanya sahaja kita sudah dapat mengagak bahawa institut itu mempelajari cabang-cabang pengetahuan berhubung dengan Islam.

(oleh Abdul Mu'ti 'Alī)

Tujuan institut itu ialah membawa ahli-ahli fikir Islam dan Barat ke arah kerjasama bagi mempelajari perkembangan-perkembangan Islam dalam dunia moden ini.

Perhatian terutama ditujukan kepada Islam sebagai agama, dan Islam sebagai kekuatan yang hidup, yang mempunyai pengaruh yang bukan kecil ertinya bagi hidup dan penghidupan umat Islam dahulu dan sekarang, dan bagi peradaban dunia.

Faktor-faktor ekonomi, politik, sosial ilmu pengetahuan dan sebagainya, yang terdapat dalam tiap-tiap daerah dari negeri-negeri Islam dewasa ini, dipelajari dan diselidiki, dan dicuba untuk diberi tafsiran bagaimana dan apa hubungannya faktor-faktor itu dengan perkembangan-perkembangan yang terdapat dalam kurun-kurun yang silam.

Cara belajar

Institut itu mengundang maha guru-maha guru dan juga memberi fellowship kepada mahasiswa-mahasiswa dari negeri-negeri Islam dan Barat.

Profesor-profesor pelawat dan anggota-anggota dari institut itu diusahakan supaya terdapat jumlah

yang sama: 50 peratus dari Barat dan 50 peratus dari Timur; demikian juga fellowship yang diberikan kepada mahasiswa.

Director institut itu ialah Professor Wilfred Cantwell Smith yang telah melawat Indonesia dalam bulan April yang lalu.

Anggota-anggota institut itu dalam tahun 1955 – 56 ini ialah: Assistant Professor F.R.C. Bagley dari Oxford (England); Visiting Professor Muhammad Albahi (Profesor Falsafah dari Kuliah Al-Lughah, Universiti Azhar Mesir); Associate Professor A. Niyazi Berkes, (Pensyarah Sosiologi Universiti Ankara, Turki); Visiting fellow Doctor Muhammad Dāūd Rahibar dari Punjab (Pakistan), dan Wm. J. Watson, Ketua perpustakaan.

Di atas telah diterangkan bahawa institut itu memberikan fellowship kepada mahasiswa-mahasiswa Islam dan bukan Islam.

Fellowship itu diberikan kepada mahasiswa yang sekurang-kurangnya sudah mendapat gelaran B.A Honors atau M.A.

Dalam tahun ini, selain mahasiswa-mahasiswa dari negeri-negeri Barat, juga terdapat mahasiswa-mahasiswa (yang mendapat fellowship) dari Timur, umpamanya dari India, Suria, Mesir, dan Indonesia.

Sebahagian besar dari pelajaran-pelajarannya itu diberikan dengan jalan seminar dan bertukar-tukar fikiran. Bahasa-bahasa penghantarannya ialah Bahasa Inggeris.

Tiap-tiap seorang mahasiswa, sekurang-kurangnya hendaklah mengambil tiga seminar dan hendaklah menyusun sebuah risalah dalam perkara yang ditentukan. Risalah itu kemudian dibahagi-bahagikan kepada anggota-anggota untuk dijadikan bahan yang akan diperbahaskan, iaitu seminggu terlebih dahulu.

Dalam pelajaran setahun (dari September hingga Mei), tiap-tiap seorang anggota seminar ditentukan menyusun enam risalah, iaitu dua risalah bagi tiap-tiap seminar.

Selain daripada itu, anggota-anggota seminar dianjurkan untuk memberi ceramah yang diadakan seminggu sekali dengan cara bergilir-gilir.

Akan peperiksaan, maka diadakan dua kali setahun: bulan Januari ujian pertengahan tahun, dan bulan Mei ujian akhir tahun.

Bagi mahasiswa-mahasiswa yang mendapat fellowship juga diperkenankan mengambil gelaran Akademi (*degree*).

Mahasiswa yang ingin mengambil *degree*, ia diperbolehkan mengambil M.A. dengan menulis sebuah karangan, dan pada umumnya setelah belajar dua tahun di institut. Calon M.A. itu hendaklah juga mengetahui salah satu dari bahasa-bahasa Timur, selain bahasanya sendiri.

Kemudian, kalau ingin meneruskan, ia boleh mengambil ujian Ph.D, setelah ia belajar tiga tahun lagi dengan menulis sebuah karangan. Bagi calon Ph.D itu dikehendaki mengetahui dua bahasa Timur (salah

satunya ialah Bahasa Arab) dan tiga bahasa Barat (Inggeris, Jerman, dan Perancis).

Jadi masa belajar bagi mencapai gelaran Ph.D ialah lima tahun, dan sekurang-kurangnya mengetahui lima bahasa.

Rancangan 1955-56

Rancangan seminar dalam tahun pelajaran 1955 56 itu ialah sebagai berikut:

A. Islam dalam dunia moden

Yang termasuk dalam bahagian ini ialah:

1. Perkembangan Islam dalam Dunia Arab Moden .

Bahagian ini mempelajari gerakan-gerakan: Wahabi; Sanusi; Jamal al-Din al-Afghani; Muhammad Abduh; al-Azhar; golongan "moden": Ikhwān al-Muslimīn. Juga mempelajari faktor-faktor yang menghubungkan antara Islam dan gerakan kebangsaan di negara-negara Arab.

2. Perkembangan Secularism di Turki Moden.

Bahagian ini menghuraikan pelajaran dan tumbuhnya cita-cita dan lembaga dari kerajaan Uthmaniyah ke Turki Moden. Untuk mencapai huraian ini maka dikehendaki mempelajari Turki dari kurun (kedua belas) hingga kurun kedelapan belas, perubahan semenjak Tanzīmāt; Turki Muda; zaman republik; dan sebagainya.

3. Perkembangan Islam Moden di India dan Pakistan

Dalam bahagian ini, termasuk perkembangan Islam di India semenjak dari kurun yang kedelapan belas hingga berdiri negara Pakistan.

Perhatian ditujukan ke arah kitab-kitab: "Hujjatullah al-Bālighah" dan "Tafhīmāt Ilahiah" karangan Shah Waliyullah (Al-Dehlawi-P); "Ṭabaqāt" (?) karangan Ismail Shahid; "Tafsir" karangan Sarsid Ahmad Khān; "Runon The Spirit of Islam"

karangan Amir 'Ali; Syair-syair Iqbāl; "Terjemahan al-Quran"
karangan Abu al-Kalam Azad; pilihan dari beberapa buku
karangan Abu al-'A'la al-Maudūdī; undang-undang dasar
Pakistan; dan laporan Munir.

B. Ajaran-ajaran Islam Klasik

Yang termasuk dalam bahagian ini ialah:

1) Perkembangan Ilmu Usul

Bahagian ini mempelajari perkembangan ilmu pengetahuan
di dalam Islam. Perhatian ditujukan kepada Mu'tazilah;
al-Ash'arī; al-Ghazālī; al-Taftazānī.

2) al-Ghazālī

Mempelajari latar belakang sejarah al-Ghazālī, hidupnya,
karangan-karangannya; juga mempelajari pengaruh dan pentingnya
karangan-karangan al-Ghazālī bagi umat Islam dewasa ini.

3) Sosial dalam Islam _ Pemerintah dan negara.

Bahagian ini mempelajari berbagai-bagai pandangan agama
terhadap masyarakat dan negara; politik Islam,
theory dan praktik dari satu kurun ke satu kurun.

Perhatian ditujukan kepada perkembangan khilafah
(jawatan khalifah) sampai ke zaman Abasiyyah; tumbuhnya
"jawatan sultan" dari zaman Saljuk; dan
pertubuhan-pertubuhan dari pemerintahan Uthmaniyyah, Safavi dan
Moghul (Mongol); tumbuhnya negara-negara Islam dan
hubungannya dengan Islam; Turki; Parsi; negara-negara Arab,
Pakistan dan Indonesia.

4) Falsafah Islam Purbakala

Bahagian ini mempelajari alam falsafah Islam dan
hubungannya dengan falsafah Yunani. Terutama dalam hal ini,
mempelajari Ibnu Sina, dan al-Ghazālī; pengaruh falsafah
dalam kebudayaan dan alam fikiran Islam purbakala.

T. Kursus-kursus berkenaan Islam

Dalam bahagian ini termasuk:

1) Sejarah Islam Purbakala:

Bangsa Arab hinggalah jatuhnya Baghdad dan
Granada (di Sepanyol). Timbulnya kuasa puak Saljuk;
kerajaan-kerajaan Islam di Turki, Parsi, India dan sejarah
Islam di Indonesia (termasuk Semenanjung Tanah Melayu).

2) Sejarah Islam Baharu

Dunia Islam dalam kurun yang ke sembilan belas dan
dua puluh.

3) Memasuki mauduk Islam

Memberi huraian tentang Islam: Quran dan hadis,
Rasulullah (SAW), sejarah agama.

4) Ilmu alam dunia Islam

C. Bahasa-bahasa Timur

1) Bahasa Arab.

2) Bahasa Turki.

3) Bahasa Parsi.

4) Bahasa Urdu.

5) Bahasa Indonesia dan Melayu

-Diringkaskan dari "media" Jogja.

Sudah terbit!

Cetak kedua!

Bilal

Senaskhah \$1.00 post 10 sen

pintalah kepada

Qalam, Singapura.
